

Gaji minimum: Kerajaan tidak terburu-buru

UM - 25/2/2007.

MEKAH 24 Feb. - Menyatakan bahawa kerajaan tidak terburu-buru untuk memperkenalkan dasar gaji minimum untuk pekerja, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, implikasi dasar itu akan dikaji terlebih dahulu sebelum ia dilaksanakan.

"Saya fikir kita tidak boleh terburu-buru menyatakan ia baik untuk kita," kata Timbalan Perdana Menteri pada sidang akhbar di sini. Najib sedang dalam rangka lawatan seminggu ke Arab Saudi.

Najib diminta mengulas gesaan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MUTC) yang mahu kerajaan memastikan sektor swasta melaksanakan dasar gaji minimum kerana ia dapat menangani masalah siswazah menganggur, pekerja asing tanpa izin dan isu-isu berkaitan pekerja asing.

Beliau berkata, pada masa ini terdapat banyak kerja kosong di negara ini tetapi rakyat Malaysia terlalu memilih dan tidak berminat dengan kerja yang ditawarkan.

Menurut beliau, kerajaan masih belum memberikan lampu hijau kepada dasar itu kerana ia dilihat tidak sesuai bagi sebuah negara membangun seperti Malaysia.

Permulaan

Najib berkata, adalah lebih baik untuk menyerahkan kepada sektor swasta dalam memutuskan gaji permulaan bagi pekerjanya berasaskan kepada permintaan dan bekalan.

Kerajaan, katanya, mahu Malaysia kekal berdaya saing di peringkat global dan tidak mahu kos menjalankan urusan perniagaan di negara ini meningkat.

Bagaimanapun, harapan masih ada apabila Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan dari semasa ke semasa akan mengkaji dasar yang tidak membenarkan gaji minimum bagi sektor swasta.

Ditanya bagaimana pula jika MTUC memutuskan untuk menyerahkan memorandum kepada kerajaan berhubung perkara itu, Najib berkata, "Jika mereka mempunyai cadangan dan alasan yang kukuh, kita bersedia untuk menerima memorandum mereka dan memberikan pertimbangan sewajarnya."

Mengenai permintaan Cuepacs bagi pelarasan gaji kepada hampir satu juta kaki-tangan awam, beliau berkata, kerajaan akan mengambil "sedikit masa" untuk menimbangkan cadangan itu.

- Bernama